

**MODUL PEMBELAJARAN *PAINTING* SEBAGAI MEMENUHI  
HOBI DAN KERJAYA SAMPINGAN**

**MARIA BINTI MOHAMAD**

Projek Sarjana ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan  
Teknikal dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

## DEDIKASI

### Alhamdulillah

Syukur Terhadap Ilahi Atas Rahmat Kesihatan Dan KeizinanNya  
Dapat Melengkapkan Projek Sarjana Ini.....

Al-Fatihah Buat Arwah Ayah ,  
Kudoakan Semoga Rohmu Berada Bersama Roh Insan Terpelihara  
Insya Allah Akan Kutunaikan Permintaan Terakhirmu.....

Buat Suami Tercinta, Terima Kasih Atas Dorongan, Sokongan Dan Pengorbanan...

Dedikasi Buat Ibu, Abah Dan Keluarga, Kuhargai Segala Sokongan Mental,  
Spiritual Dan Material.....

Istimewa Buat Kakak Tersayang, Motivasi Menerangi Kehidupan,  
Jasamu Semekar Ingatan .....

Pensyarah-Pensyarah Yang Dihargai, Ilmumu Jadi Panduan.....

Teman Seperjuangan, Ku Hargai Jalinan Persahabatan.....

## *PENGHARGAAN*

Alhamdulillah, bersyukur atas nikmat kurnia Ilahi atas kesempatan yang sedikit Projek Sarjana ini dapat disiapkan walaupun menghadapi pelbagai ujian dan dugaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada Penyelia Projek Sarjana, Puan Anika Zafiah Binti Muhd Rus yang banyak membantu dan Penilai Projek Sarjana 1, En. Kamaruddin atas segala nasihat, bimbingan dan dorongan. Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menyiapkan Projek Sarjana ini.

Ucapan terima kasih kepada barisan panel penyelia dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan teguran yang membina. Tidak dilupakan sekalung penghargaan kepada semua pensyarah yang terlibat dalam mencurahkan ilmu mendidik dan membimbing pelajar Sarjana Pendidikan di KUiTTHO.

Seterusnya, setinggi-tinggi terima kasih kepada rakan-rakan di Politeknik Puan Nurul Huda. Cik Asmah Bte Mohamad, Puan Zaharah Isa dan Encik Zamri bin Haris atas kerjasama, bantuan, sumbangan, pandangan dan teguran dalam usaha melengkapkan tugas ini.

Akhir sekali, istimewa kepada semua rakan seperjuangan. Buat kalian, semoga kepayahann yang pernah ditempuhi bersama akan menjadi asas ketabahan untuk mendepani cabaran akan datang. Insya Allah.

## ABSTRAK

Pengajaran berpandukan modul pembelajaran bukanlah satu bentuk pembelajaran yang baru. Sesuai dengan perubahan masa, kuliah pada hari ini telah mengalami perubahan dan ia bukan lagi bentuk pengajaran yang kaku dan pasif. Berbagai kajian telah dilakukan untuk memperbaiki pembelajaran bermodul agar ianya bermanfaat dan input yang semaksimum akan diperolehi. Dalam Projek Sarjana ini, satu modul pembelajaran melukis telah dibina bagi membantu pengguna terutama kaum wanita yang berminat untuk melukis menerokai 'rahsia' bagaimana sesebuah lukisan bersumberkan bahan bercetak boleh dilukis. Modul berbentuk buku dan cakera video ini direka khas bagi mempermudah pengguna mengikuti aktiviti 1 hingga 4 berserta lampiran teknik-teknik melukis yang disertakan. Daripada pelaksanaan aktiviti ini, diharapkan satu paradigma baru tentang dunia lukisan dapat diterapkan bahawa setiap individu mampu menghasilkan lukisan sendiri sekiranya mereka didedahkan tentang 'Rahsia Melukis'.

## ABSTRACT

Teaching based on learning modules is not a new approach in learning methods. As time progresses, the approach of teaching and learning is no longer passive and static. Research has been done to improve the usefulness of learning modules. For this project, a learning module has been developed to help users to draw objects from printed materials. The modules are in booklet and CD forms. The module are specially designed to facilitate users in practicing activities 1 to 4 that have been provided with drawing technique spreadsheets. It is hope that by carrying out those activities, the respondents will change their paradigms therefore they can produce their own drawings by knowing these drawing technical secrets.

## KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
BORANG PENGESAHAN KAJIAN KES	
PENGESAHAN PENYELIA	
TAJUK PROJEK SARJANA	i
PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>BAB I : PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	I
1.1 Latar Belakang Masalah Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Sampel Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	11
<b>BAB II : KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	
2.1 Tstrategi-Strategi Pembelajaran Berkesan	13
2.2 Kaedah Pembelajaran Bermodul	15
2.2.1 Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)	17
2.2.2 Ciri-ciri Modul Pengajaran Kendiri	18
2.3 Modul Burns	19
2.4 Kaedah Pembelajaran Menggunakan Peta Minda	20

### **BAB III : METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	
3.1	Rekabentuk Kajian	27
3.2	Model MPK	29
3.3	Subjek Kajian	29
3.4	Alat Kajian	30
3.5	Tatacara Kajian	31
3.6	Batasan Kajian	32
3.7	Analisa	32
3.8	Ringkasan	33

### **BAB IV : REKABENTUK PRODUK**

4.0	Pengenalan	35
4.1	Ciri-Ciri Modul	36
4.2	Rekabentuk Modul	40
4.2.2	Bahan Pembinaan	41
4.2.3	Kronologi Pembinaan Modul	42
4.2.4	Dokumentasi Produk	46
4.2.5	Penilaian Modul	

### **BAB V : ANALISA DATA**

5.0	Pendahuluan	48
5.1	Pengedaran an Pengumpulan Borang Soal Selidik	49
5.2	Biodata Responden	49
5.3	Analisa Data Bagi Item Borang Soal Selidik	54
5.4	Analisis Jawapan Pelajar Daripada Hasil Soal Selidik 1	55
5.5	Analisis Jawapan Pelajar Daripada Hasil Soal Selidik 2	67

### **BAB VI : KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.0	Pendahuluan	79
6.1	Kesimpulan	80
6.2	Cadangan	84

### **BIBLIOGRAFI**

### **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
5.2	Biodata Responden	50
5.2.1	Jumlah peratus responden mengikut jantina	51
5.2.2	Peratusan pelajar mengikut umur	52
5.2.3	Peratusan Responden yang mengikuti sesi ujikaji mengikut bangsa	53
5.3	Min dan sisihan piawai Jawapan pelajar Dari no. 1 – 6 ( Soal Selidik 1 )	54
5.4	Min dan Sisihan Piawai Jawapan Pelajar dari no. 6 hingga 9	60
5.5	Min, median serta peratusan jawapan bagi soalan 1-10 ( Soal selidik 2 )	67



## SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.6	Skop kajian Modul Pembelajaran Painting	10
4.3	Rekabentuk Modul	43
5.2.1	Jumlah Peratusan Responden Mengikut Jantina	51
5.2.2	Peratusan Pelajar Mengikut Umur1	52
5.2.3	Peratusan Responden yang Mengikuti Sesi Ujikaji Mengikut Bangsa	53

## SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
MPK	Modul Pembelajaran Kendiri



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Dalam dunia pendidikan kini, terdapat minat dan usaha yang meningkat untuk memperkenalkan pelbagai kaedah pengajaran baru. Ini adalah ekoran daripada kehendak untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang lebih cekap dan juga boleh disesuaikan dengan keadaan dan keperluan berbanding dengan kaedah tradisional (Eijl, 1976;33) dalam Sharifah (1986). Kedua-dua aspek di atas iaitu kecekapan dan kebolehan telah disesuaikan mengikut keadaan dan keperluan semasa. Aspek ini telah diamalkan dalam kebanyakan pendekatan pengajaran seperti pendekatan pembelajaran penguasaan, pendekatan pembelajaran terancang atau pendekatan pengajaran bermodul.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN)(1988) merumuskan peri perlunya potensi individu diperkembangkan secara menyeluruh dan bersepadu. Guru adalah agen utama dalam pengemblengan usaha memperkenalkan potensi individu yang disifatkan sebagai pejuang barisan hadapan (Kementerian Pendidikan,1988).

Oleh itu, apa juga bentuk pengajaran yang disampaikan oleh guru merupakan faktor terpenting dalam perkembangan diri individu pelajar tersebut. Menyedari hakikat bahawa pelajar adalah berbeza dari pelbagai sudut seperti kebolehan belajar, kecerdasan dan kemahiran, guru akan cuba menangani situasi pengajaran dan pembelajaran (P&P) sehingga semua pelajarnya dapat digemblengkan kepada pencapaian perkembangan individu yang maksimum. (Arif, 1998)

Menurut *Meyer (1984)*, modul adalah sejenis sumber pembelajaran dan pengajaran spesifik. Ia mengutamakan unit-unit isi kandungan yang lengkap pada dirinya dengan kadar kecepatan pengajaran yang ditentukan oleh setiap pelajar bagi memenuhi kemampuan dan kehendak masing-masing.

Penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara baru. Ianya telah lama dipraktikkan khususnya di Institusi Pengajian Tinggi. Modul pengajaran sendiri adalah satu bahan pengajaran yang menitik beratkan pembelajaran secara individu yang mengambil kira perbezaan latar belakang, minat, gaya belajar dan sebagainya (Yusof b. Sermaet, 2000).

Proses perkembangan ini, dilihat selaras dengan arus perkembangan pendidikan dunia sejangkit. Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk membentuk dan melahirkan generasi yang berpengetahuan bersesuaian dengan matlamat negara. Berbagai kaedah baru diperkenalkan bagi memperkembangkan lagi sistem dan kaedah yang sedia ada bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran masa kini. Proses pengajaran dan pembelajaran adalah suatu proses yang berterusan dan kompleks yang memerlukan kaedah yang berlainan (Yusof b. Sermaet, 2000).

Bersesuaian dengan usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mewujudkan kaedah pengajaran yang pelbagai dan berkesan, maka kajian yang akan dilakukan ini adalah untuk menghasilkan satu modul pengajaran sendiri bagi subjek Asas Seni Lukis yang sesuai untuk penggunaan bagi mereka yang meminati seni sebagai memenuhi hobi dengan memfokuskan cara penghasilan *painting* atau lukisan dinding.

Kajian keberkesanan modul penghasilan *painting* ini akan dilakukan kepada dua peringkat iaitu kemahiran sedia ada melukis dan peningkatan kemahiran selepas menggunakan modul ini.

Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental bagi melihat peningkatan kemahiran melukis melalui *ujian pra* dan kemudiannya melalui *ujian pos* yang akan dilakukan ke atas pelajar-pelajar diploma dalam pelbagai bidang di Politeknik Port Dickson.

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Dalam latar belakang masalah kajian ini, didapati penduduk Malaysia kini, berminat untuk membelanjakan wang mereka untuk membeli perkakasan dan perhiasan rumah mereka mengikut citarasa terkini. Dengan pendapatan sendiri, mereka mampu membeli perhiasan-perhiasan tersebut. Namun masih terdapat beberapa perhiasan yang boleh menambahkan seri rumah seperti lukisan dinding yang tidak mampu dibeli kerana pasaran harganya yang mahal. Dengan mempunyai pendapatan sendiri serta mempunyai tanggung jawab dalam urusan rumah tangga, mereka telah mula menganggap perhiasan reka bentuk rumah sebagai suatu yang penting dalam keselesaan tempat penginapan mereka. Malah ada diantara mereka yang berkeinginan menghasilkan reka bentuk perhiasan rumah, mengikut citarasa mereka sendiri. *Namun kebanyakannya tidak kesampaian kerana mereka tiada mampu menghasilkannya sendiri. Ini membuatkan rekaan terkini kerusi, meja, perabot, langsir dan sehinggalah gambar-gambar hiasan dinding di rumah-rumah mendapat permintaan yang tinggi.* (Noroswati Anjung Seri, April 1999).

Terdapat sesetengah pihak yang berkerja mahupun mereka yang menjadi suri rumah sepenuh masa meminati bidang seni lukis ini. Tetapi, kekangan tidak tahu teknik melukis dan tiada pembimbing untuk mengajarkan mereka untuk melukis kadang kala membuatkan hobi melukis ini terpaksa dilupakan. Hasrat mereka untuk menghasilkan sendiri hasil lukisan dinding, terpaksa dikuburkan. Ditambah lagi dengan kekangan masa dan wang ringgit untuk mengikuti kelas-kelas yang sempurna untuk mengikuti kelas melukis berbentuk formal, yang kebanyakan ditawarkan oleh pihak swasta agak tinggi kos yuran pengajiannya.

Jadi penyelidik berharap dengan adanya modul-modul sebegini, masalah tidak berpeluang mengikuti kelas melukis dan tiada pembimbing untuk mengajarkan mereka melukis dapat diatasi dengan modul pembelajaran sendiri (MPK) ini. Modul sebegini juga diharap dapat menambahkan semula minat dan kreativiti mereka untuk belajar menghasilkan sendiri hasil seni terutama lukisan dinding. Dengan bantuan buku panduan serta cakera video yang boleh dijadikan panduan diharapkan dapat menjadi asas dan membantu mereka dalam menghasilkan hiasan lukisan dinding dan seterusnya kemahiran ini boleh dikomersialkan pada pasaran luar sekiranya dijalankan dengan serius. .

Jika dikaji dari sejarah awal penubuhan kelas-kelas seni, *Fine Art* telah mendapat sambutan hangat dikalangan golongan profesional dan golongan yang berkemampuan suatu ketika dahulu. Penubuhan kelas “Wednesday Art Group 1952”, di Kuala Lumpur contohnya bertujuan memperkenalkan estetika seni dan mengajarkan teknik-teknik dan bahan-bahan bermula peringkat asas melukis sehinggalah tahap penghasilan catan mengikut aliran “realistic”, “pop Art”, “Abstrac” serta beberapa aliran yang lain.

Kelas-kelas seni ini mendapat sambutan terutama dikalangan golongan wanita yang kaya bagi memenuhkan hobi dan masa lapang mereka untuk menghasilkan sendiri “art Work “ mengikut kehendak mereka. 1954 sebuah lagi kelas *Fine Arts* ditubuhkan yang mempunyai matlamat yang sama iaitu “ Selangor Art Society” dan diikuti dengan “ The Thursday Art Group” di Pulau Pinang.

Perkembangan ini menjadi titik tolak kepada kemunculan kelas-kelas pengajaran seni secara persendirian sehinggalah kemunculan kolej-kolej swasta kini yang berfungsi menawarkan kelas-kelas seni yang sedemikian rupa.

Maka, dari permasalahan yang dinyatakan, didapati penduduk Malaysia kini telah mula berminat untuk menghasilkan *painting* sendiri sebagai memenuhi hobi serta berbangga untuk melihat *art work*, mengikut cetusan kreativiti mereka namun bahan P&P yang boleh membantu mereka melukis masih kekurangan.

Jika dikaji permasalahan, *Mengapa ramai penduduk Malaysia tidak pandai melukis*, walaupun kita sedia maklum bahawa kerajaan telah membina satu kurikulum mata pelajaran khas lukisan, yang diperuntukkan sekurang-kurangnya *dua masa dalam seminggu* bermula sejak pendidikan pra lagi sehinggalah ke peringkat sekolah rendah dan menengah.

Namun masih ramai daripada kita yang tidak dapat menguasai bidang ini. Kadang kala menjadi tanda tanya di fikiran penyelidik, adakah masa pembelajaran lukisan di bangku sekolah yang diperuntukkan berserta tenaga pengajarnya sia-sia, untuk melahirkan seorang yang tahu melukis sekurang-kurangnya untuk dijadikan hobi dan melahirkan kreativiti mereka pada satu masa kelak? Atau pelajar memang tidak berminat untuk belajar mata pelajaran yang membosankan ini kerana faktor dalaman individu itu sendiri seperti tiada motivasi oleh guru semasa mengajar atau tidak mendapat galakan daripada keluarga untuk membeli peralatan melukis semasa di bangku sekolah dahulu.

Dengan ini terpanggillah penyelidik memberi sedikit sumbangan untuk menghasilkan modul pembelajaran *painting* yang sesuai bagi mereka yang ingin mempelajari bidang kemahiran vokasional terutamanya penghasilan lukisan “Fine Arts” asas yang boleh dihasilkan sendiri berdasarkan modul pengajaran yang lebih berbentuk buku panduan dan cekera video. Aspek-aspek teknik, bahan dan media ditekankan mengikut konsep *Elemen-Elemen dan Prinsip-Prinsip Asas Rekaan*.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Daripada kenyataan yang dikemukakan oleh *Noroswati Anjung Seri, April 1999*, rakyat Malaysia kini menganggap perhiasan rekabentuk rumah sebagai suatu yang penting dalam keselesaan tempat penginapan mereka. Malah ada diantara mereka yang berkeinginan menghasilkan rekebentuk perhiasan rumah, mengikut citarasa mereka sendiri.

Namun kebanyakannya tidak kesampaian kerana mereka tiada mampu menghasilkannya sendiri. Mereka berminat untuk melukis tetapi tiada bimbingan dan kelas yang sempurna belajar melukis.

Walaupun ada dikalangan mereka yang pernah mencuba tetapi hasil seni yang masih kurang sempurna dan tiada tarikan untuk dipamerkan. Ini disebabkan mereka tidak pernah didedahkan dengan teknik, bahan, jenis media untuk memperoleh sebuah hasil seni yang sempurna.

## 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini direkabentuk untuk menjawab tiga persoalan berikut:

- 1.3.1 Sejauh manakah isi kandungan modul ini dapat diikuti oleh mereka yang tidak mempunyai kemahiran melukis mengikutnya.
- 1.3.2 Apakah permasalahan yang dihadapi oleh mereka yang meminati bidang lukisan untuk melukis dengan baik.
- 1.3.3 Adakah wujud perbezaan peningkatan kemahiran melukis pada ujian pra iaitu sebelum sesi pembelajaran Modul Pembelajaran Kendiri ini (MPK) ini diajarkan dan adakah peningkatan setelah ujian pos dijalankan.



## 1.4 Objektif Kajian

Di antara objektif kajian ini ialah:

1. Menyediakan satu modul pembelajaran melukis yang sesuai diikuti bagi mereka yang berminat menghasilkan sendiri lukisan – lukisan dinding '*painting*' sebagai memenuhi hobi mereka dalam bentuk buku panduan dan cakera video.
2. Meninjau permasalahan yang berkaitan dengan kaedah melukis yang dihadapi oleh peserta melalui kajian soal selidik 1. Melalui kajian diharapkan dapat memberi gambaran khasnya kepada Kementerian atau kerajaan supaya menekankan silibus berkesan sejak sekolah rendah lagi dengan menyediakan tenaga guru yang berpendidikan yang mencukupi.
3. Menentukan kesahihan keberkesanan modul ini setelah diuji melalui peningkatannya dalam analisis data sebagai hasil karya seni bagi memenuhi hobi yang boleh dipasarkan sebagai sumber pendapatan sampingan..

## 1.5 Sampel Kajian

Kajian ini akan dilakukan ke atas 10 orang pelajar sijil dan diploma dari pelbagai bidang yang tidak mempunyai kemahiran asas melukis bertempat di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Persampelan bukan kebarangkalian daripada jenis persampelan bertujuan telah digunakan. Dalam kajian ini

pengkaji menentukan responden untuk menguji modul sebagai kajian penerokaan yang bersesuaian dengan tujuan kajian.

“...penagih dadah dan penghisap rokok terdapat dalam berbagai-bagai lapisan masyarakat dan tempat, dan amatlah sukar bagi seseorang pengkaji untuk mengesan siapa dan di mana seseorang penagih dadah berada.... Apabila pengkaji menghadapi masalah bahawa persempelan secara rawak tidak dilakukan, maka ...persempelan bukan kebarangkalian digunakan. (Syed Arabi Idid, 1998)

“Berapa ramaipun responden kadar kesahan menjawab soalan adalah hampir sama dalam Persempelan Rawak Mudah (PRM) seperti persempelan kebarangkalian ...”, Moser, C.A. and Kalton, 1972 dalam Syed Arabi Idid (1998).

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada bidang lukisan “Fine Art” pengkhususan dalam teknik menghasilkan *Painting* dalam aliran lukisan *Pop Art* sepertimana dalam **rajah 1.6**. Kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada pengetahuan tidak tahu kepada tahu dan seterusnya mahir dalam menghasilkan karya seni. Modul pembelajaran ini juga sesuai bagi mereka yang menghasilkan karya seni untuk tujuan memenuhi hobi dan masa lapang serta mengkomersialkan karya seni tersebut.

## a. Proses Penghsilan Modul

Merangkumi silibus elemen dan prinsip rekaan:

- Garisan \* Pengulangan
- Jalinan \* Kesatuan
- Rupa \* Perspektif
- Bentuk \* Seimbang
- Warna \* Kontras

Teknik membentuk objek diajarkan merangkumi :-

- a. Melukis bahan bercetak –  
Teknik lukisan Berskala
- b. Membentuk Objek –  
Teknik Terang Gelap
- c. Konsep Mewarnakan  
Objek.  
– Teknik Penggunaan Warna-warna  
panas dan sejuk.

Rajah 1.6 : Skop Kajian Modul Pembelajaran *Painting*.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Seorang pendidik adalah profesional jika memberikan yang terbaik pengetahuan dan kepakaran dalam subjek tertentu serta kemahiran pengurusan. Salah satu cara untuk menunjukkan pengetahuan dan kepakaran, khususnya bagi pensyarah adalah menjalankan penyelidikan.

*Lee Tung(2001) dalam Buletin Penyelidikan Ogos/Sept 2001*

Dalam mengulas kepentingan menyelidik oleh pensyarah, Abdul Halim (Berita Harian, 04/04/2001) berpendapat bahawa hasil penyelidikan harus dianggap sebagai wadah untuk menampakkan seorang pendidik sebagai seorang staf profesional yang sedia berperanan secara sistematik dan membaiki amalan seharian.

Modul yang berbentuk buku panduan dan cakera video ini diharap boleh diguna pakai oleh kaum wanita tidak kira oleh para suri rumah atau golongan yang berkerja untuk menghasilkan sendiri *painting* "Fine Art" berdasarkan teknik-teknik yang dipaparkan dalam modul ini.

## 1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa terma penting dalam pernyataan kajian yang membawa makna tertentu dan hanya benar dalam skop kajian ini sahaja. Oleh itu ia perlu didefinisikan dengan teliti.

### 1.8.1 Painting

Hasil seni bahantara pigmen warna pada permukaan rata seperti kertas atau kanvas dengan menggunakan bahantara seperti cat tempera, cat air, cat poster, guac, cat minyak ataupun akrilik serta bahantara lain

### 1.8.2 Fine Art

Satu aliran seni yang menekankan nilai-nilai estetika. Dikenali juga sebagai seni halus.

### 1.8.3 Pop Art

Satu aliran seni berkaitan kehidupan budaya manusia dari sudut permainan, makanan, minuman, filem dan sebagainya. Ciri hasil catannya adalah pertengahan antara bentuk realistik dengan bentuk abstrak. Imej asal masih dapat dikenal pasti.

### 1.8.4 Pengetahuan Sedia

Merujuk kepada pengetahuan yang telah dimiliki oleh pelajar terhadap tajuk MPK tersebut sebelum proses P&P atau penggunaan MPK dilakukan.

### 1.8.5 Praujian

Aktiviti atau Ujian yang direkabentuk untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran asas melukis.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Definisi bagi strategi-strategi pembelajaran ialah kelakuan-kelakuan atau pemikiran yang memudahkan pembelajaran (Weinstein dan Mayer, 1984).

Strategi-strategi ini merangkumi kemahiran belajar yang mudah seperti menggaris idea yang penting dan proses pemikiran yang lebih kompleks seperti menggunakan persamaan (analogy) untuk mengaitkan pengalaman sediaada (prior knowledge) dengan pengetahuan baru.

#### **2.1 Strategi-Strategi Pembelajaran berkesan**

Meyer (1984) telah menerangkan bahawa strategi pembelajaran itu adalah rancangan yang digunakan oleh seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat pembelajaran. Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran yang boleh diperkenalkan oleh guru-guru dalam membentuk strategi pembelajaran berkesan. Di antaranya

adalah memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran bermodul yang berkonsepkan peta minda.

B.F. Skinner 1961 dalam Sharifah(1986) merupakan pengasas sistem pengajaran-pembelajaran individu yang juga merupakan seorang ahli psikologi pembelajaran. Beliau tidak berpuas hati dengan teknik-teknik pendidikan yang diamalkan di kebanyakan sekolah-sekolah pada masa itu. Beliau membuat teguran bahawa persekitaran tempat kerja dan kawasan industri telah berubah dengan begitu cepat dalam satu generasi tetapi cara pendidikan di dalam bilik darjah tidak beranjak dalam masa satu abad.

Menurut Skinner ( 1961 ) dalam Sharifah (1986), cadangan memperbaiki pengajaran jarang sekali menyentuh terhadap proses pengajaran atau pembelajaran dan ianya gagal dibuat analisa. Apakah sebenarnya telah berlaku terhadap pelajar dalam proses pembelajaran. Pada tahun 1888. Satu rancangan pembelajaran bercirikan maju sendiri dalam satu kursus telah dimulakan oleh Gibbons, dalam tahun 1971 . Pembelajaran jenis ini tidak lagi menekankan peranan penting guru mengajar di dalam bilik darjah tetapi merupakan kaedah seseorang murid itu tidak perlu menunggu arahan guru untuk maju dalam pelajarannya. Satu ciri penting dalam rancangan-rancangan berunit ialah ia membolehkan seseorang murid itu maju menurut kadar kecekapannya sendiri. Bahan-bahan pembelajaran itu disusun dengan unit-unit yang kecil dan lengkap untuk mengkaji satu topik dalam sub-unit itu.

Strategi-strategi pembelajaran juga boleh ditafsirkan sebagai kelakuan-kelakuan atau pemikiran yang memudahkan pembelajaran (Weinstein dan Mayer,1986). Strategi-strategi ini merangkumi kemahiran belajar yang mudah seperti menggaris idea yang penting dan proses pemikiran yang lebih kompleks seperti menggunakan persamaan (analogy) untuk mengaitkan pengalaman sediaada (prior knowledge) dengan pengetahuan baru.

Derry (1989) telah menerangkan bahawa strategi pembelajaran itu adalah rancangan yang digunakan oleh seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat pembelajaran. Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran yang boleh diperkenalkan

oleh guru-guru dalam membentuk strategi pembelajaran berkesan dan diantaranya adalah memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran bermodul yang berkonsepkan peta minda.

## 2.2 Kaedah Pembelajaran Bermodul.

Usaha ke arah penghasilan dan penggunaan modul pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran haruslah diberi perhatian oleh para pendidik. Dari beberapa kajian yang telah dilakukan (Kamdi, 1990; Gabriel dan Pillai, 1981; Brewer, 1977; Hunt dan Lamkin, 1975) dalam Sharifah (1986) didapati bahawa pengajaran bermodul (PB) telah berjaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Terutamanya dari segi sikap pelajar, keterampilan dalam pembelajaran dan pengajaran serta beberapa aspek lain. Di samping itu, modul pengajaran juga boleh dijadikan asas ke arah pendidikan yang berketrampilan.

Menurut Russel (1974) dalam Arif (1998), modul pengajaran sendiri boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk media seperti bahan bercetak; bahan visual seperti gambarajah, gambar, slaid dan filem, video; bahan-bahan audio seperti rakaman-rakaman; bahan-bahan sebenar seperti peralatan makmal; dan juga dalam bentuk pengajaran lisan (oral instruction) misalnya perbincangan. Di samping itu, dengan ledakan teknologi maklumat yang kian pesat berkembang di negara Malaysia kini, modul pengajaran sendiri juga telah dihasilkan dalam bentuk perisian di dalam komputer.

Dalam pendidikan, istilah modul digunakan sekurang-kurangnya dalam empat konteks yang berlainan. Menurut Shore (1973) dalam Arif (1998), tiga konteks utama modul ini digunakan adalah sepertimana berikut:

“ *it often refers to a block of time of from 10 to 50 minutes within a school's daily time table. These modules of time are combined in various*



## BIBLIOGRAFI

- Abu Zahari Abu Bakar ( 1998 ). “ Memahami Psikologi Pembelajaran.”  
Selangor. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Aminah Ahmad. (1999). “Participation of M’sia Woman in Employment: A  
Statifaction Analysis. Challenges In Industrializing Nations.” United Kindom:  
Asean Academy press.
- Gibons M. ( 1971 ). “Individualalised Instruction.” New York Teacher College Press.
- John Jackson ( 1996 ). “ An Introduction To Drawing”. Quantum Book Ltd.
- Kementerian Pendidikan M’sia (1988). “Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum  
Bersepadu Sek Men.” Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum dan  
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- Meyer G. Rex(1984). “Modul From Design to Implmentation, Colombo Plan Staff  
College For Technical Education, S’pore.”
- Mohamad Najib Abdul Ghafar ( 1996 ). “Penyelidikan Pendidikan.” UTM, Skudai  
Johor.
- Mohd Arif Agam (1998). “Pembinaan dan Penilaian Kesesuaian Modul Pengajaran  
Kendiri Bab Pengukuran Komponen Mata Pelajaran Fizik KBSM Tingkatan IV.  
Thesis Sarjana Pendidikan (Fizik).”UTM. Tidak diterbitkan
- Mohd Fandzi Abd Hamid ( 1989 ). “Kaedah Pembelajaran menggunakan modul.”  
Wawasan. Januari : ms 11-19
- Mohd Majid Konting (1990). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” Dewan Bahasa  
dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Noraini Adnan ( 1997 ) .”Pembentukan Modul Pengajaran Kendiri Bagi Pelajar Tingkatan 4-Fotosintesis.” Thesis Ijazah Sarjana Sains Pendidikan UTM, Skudai, Johor.

Rancangan M’sia Ketujuh (1996) Bab 20: “Wanita dan Pembangunan. Kuala Lumpur.” : Percetakan National M’sia Bhd.

Revathi Abhi Manam (1991), “Pengajaran Individu :Penghasilan Modul Pengajaran Kendiri Menggunakan Model Teras-Cabang (Cahaya)”  
Tesis Sarjana Muda UTM, Skudai, Johor. Tidak Diterbitkan

Shaharom Noordin, Yap Kueh Chin ( 1992 ). “ Pengindividuan Pengajaran Dan Pembelajaran Menerusi pembelajaran Bermodul.” Syarikat Asia Pasifik Educational Technology Convention, USM.

Shaharom Nordin & Yap, K.L.(1993). “Penggunaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran.” Jurnal Guru.5,325-33.

Sharifah Alawiyah Alsagoff ( 1986 ). “Teknik Pengajaran.” Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Rujukan.

Sulaiman Ngah Razali (1996). “Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan.”  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Arabi Idid. (1998). “Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial.”  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tajul Ariffin,N.(1990). “Pendidikan Suatu Pemikiran semula.” Kuala Lumpur.  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Y B Khor (1992 ). “ Panduan Melukis.” Kuala Lumpur. Federal Publications.

Yusof b. Sermaet ( 2000 ). “ Pembelajaran Menggunakan Modul.” Kuala Lumpur.  
Dewan Bahasa dan Pustaka .

\_\_\_\_\_.(2001). “ Buletin Penyelidikan: Edisi Ogos/September”.[ on-line]. Available:  
<http://www2.moe.gov.my/~mpbesut/penpeny2.htm>

\_\_\_\_\_.o. “ Guru Di Gesa Tingkatkan kemampuan Pedagogi”. Berita Harian:  
04/04/2001. [ on-line]. Aavailable:  
<http://www.sekolah.com/morearticles.html>



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH